

MURAI BATU TANAH
Chesnut-capped Thrush

FAMILI: Turdidae
NAMA SAINTIFIK: *Zoothera interpres*



CIRI-CIRI

Spesies ini biasanya dilihat di bahagian lantai kanopi atau bahagian atas kanopi hutan. Individu jantan dan betina bagi spesies ini mempunyai corak bulu yang sama. Bahagian sayap dan tepi muka pula berwarna hitam dengan corak berwarna putih. Pada bahagian dada dan tepi badan, terdapat bintik-bintik hitam yang mengunjur sehingga ke perut. Bagi individu juvenil pula, bahagian atas kepala dan bahu berwarna coklat pudar dengan jalu-jalur kemerahan. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah antara 17.5-18.5 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada invertebrata, siput dan buah-buahan.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan hutan dipterokarp sehingga ke ketinggian 760 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini biasanya mengeluarkan bunyi *see-it-tu-tu-tyuu* yang kuat.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah di antara bulan Mei hingga Ogos dan individu betina boleh menghasilkan antara dua hingga tiga biji telur yang berwarna coklat kemerahan semasa musim pembiakan. Sarangnya berbentuk cawan yang dalam dan dibina pada anak-anak pokok atau pokok buluh pada ketinggian dua hingga empat meter dari tanah.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.